

'Usah komen keterlaluan hingga cetus perpecahan'

BERITA HARIAN 20 MAY 2025 m/i/3

Anwar ingatkan semua pihak lebih profesional, tidak terlalu emosi pemilihan PKR

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Ahli dan penyokong PKR diingatkan agar tidak memberi komen keterlaluan sehingga boleh menyebabkan perpecahan kepada calon yang bakal bertanding pada pemilihan parti

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata semua pihak harus sedar calon terutamanya yang bertanding jawatan tertinggi PKR ialah tokoh yang

banyak berjasa dan berkorban untuk parti itu sejak sekian lama.

Katanya, beliau memberi sokongan kepada semua calon yang bertanding kerana mereka didapati layak, namun jawatan yang diperuntuk terhad menyebabkan ahli perlu memilih.

"Persaingan pada peringkat Pusat, banyak orang susah hati. Saya tak sangat susah hati kerana yang bersaing Timbalan dan Naib Presiden, Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) dan Wanita itu dalam kalangan sahabat lama yang setia.

"Saya tengok senarai calon Naib Presiden misalnya, ramai yang cukup layak. Kalau saya ada dua tempat untuk Timbalan Presiden misalnya, dua-dua saya sokong. Kalau ada 11 tempat Naib Presiden, semua saya sokong.

"Kalau kita lihat semua mereka rekodnya baik, tapi kalau



Anwar menandatangani plak pada majlis perasmian Pejabat Parti Keadilan Rakyat Cabang Langkawi di Kuah, Langkawi, semalam.

(Foto BERNAMA)

kita tak pilih janganlah rendahkan martabat orang lain. Ini disebut adab dan akhlak dalam perjuangan," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pejabat PKR Langkawi di sini, semalam.

Usah ambil sikap bermusuhan

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Presiden PKR berkata, dalam kalangan calon yang bertanding jawatan tertinggi parti itu ialah sahabat yang pernah sama-sama berjuang sejak awal penubuhan PKR.

Disebabkan itu katanya, ahli PKR, terutama yang baru terabit dalam parti perlu mengingati jasa dan pengorbanan pimpinan

terabit tanpa merendahkan sumbangan yang mereka menabur jasa sejak sekian lama.

"Yang bertarung itu orang yang banyak berjasa. Jadi, jangan ambil sikap bermusuhan. Jika ada berbeza pendapat kena ada sikap ihsan dan kasih sayang dalam kalangan kita.

"Sebahagian besar mereka ialah pejuang asal. Oleh itu, kita jangan tambah tingkatan suhu kehangatan. Kita mesti leraikan dengan baik.

"Walau kita berbeza pendapat dalam suatu perkara, kita tak boleh nafi jasa, khidmat, pengorbanan yang tinggi oleh orang ini," katanya.

Pada masa sama, beliau me-

ingatkan PKR dibina di atas prinsip dan nilai akhlak yang tinggi sehingga mampu menjadi antara parti yang memerintah negara ketika ini.

"Saya tak nafikan kadang-kadang keterlanjuran ini menyebabkan orang lupa bahawa teras parti ini adalah soal nilai dan prinsip yang kita perlu jaga. Kalau kita sedar hal ini, maka soal akhlak menjadi keutamaan.

"Jangan disebabkan kita berbeza pendapat kita bermusuhan berlebih-lebihan. Kena ada ihsan, ada hadnya, ada susah orang. Ada derita yang kita kena fikir keseluruhan aspek ini baru boleh jadi parti dan pimpinan yang adil," katanya.